

Sungai dipeta kenal pasti pencemaran

PUTRAJAYA: Semua sungai di seluruh negara terutama di kawasan bandar akan menjalani pemetaan pencemaran bagi mengenal pasti punca sebenar pencemaran, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas.

Menurutnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dipertanggungjawabkan untuk melakukan aktiviti pemetaan yang dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

“Apabila kerja pemetaan siap kelak, kita dapat mengenal pasti sungai mana yang paling tercemar dan puncanya. Kemudian, kita akan menggerakkan penguat kuasa ke kawasan itu saja, berbanding secara lebih menyeluruh sebelum ini.

“Di Malaysia, kawasan paling tercemar biasanya ber-

laku di penempatan besar, bandar dan kawasan industri, malah terdapat banyak kawasan pembuatan haram yang menyumbang kepada masalah kumbahan dan sisa pepejal,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Sungai Kebangsaan dianjurkan Yayasan Guinness Anchor Berhad (GAB) di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Ahmad Husaini dan Pengerusi Yayasan GAB, Tan Sri Huat Lye.

Douglas berkata, selepas kerja pemetaan dan mengenal pasti punca pencemaran, tindakan tegas akan diambil termasuk mengenakan denda yang tinggi terhadap mereka didapati melakukan pencemaran mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling

(Pindaan) 2012.

“Ketika ini kerja pemetaan giat dilakukan di beberapa kawasan seperti Kuala Lumpur, Selangor dan Johor,” katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, pihaknya juga akan mengadakan lebih banyak program dengan kerjasama sektor swasta untuk memulihara alam sekitar.

“Saya difahamkan banyak syarikat besar yang menyediakan peruntukan tertentu untuk program menanam pokok, membersihkan sungai, program kesedaran dan pendidikan.

“Orang awam juga diharapkan dapat memberikan kerjasama untuk melaporkan sumber pencemaran atau terbabit dalam program pemulihan dan pembersihan sungai,” katanya ketika ditemui.